

07 JAN 2003

DR LING BERKERAS LETAK JAWATAN SEMASA MESYUARAT BN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkeras untuk meletakkan jawatan beliau dalam Kabinet di mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini.

Menurut sumber, yang turut berada dalam mesyuarat itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN memaklumkan mesyuarat bahawa Dr Ling telah mengemukakan surat perletakkan jawatannya kepada beliau tanpa tarikh kuatkuasa perletakan jawatan itu.

"Perdana Menteri meminta Dr Ling untuk menimbangkan semula keputusannya (untuk meletakkan jawatan) tetapi Dr Ling menekankan semasa mesyuarat itu bahawa beliau tetap mahu berundur.

"Itu sahaja yang saya dapat dedahkan kepada anda buat masa ini, kita tunggu hingga esok lihat apa yang terjadi," kata sumber itu kepada Bernama yang tidak mahu namanya disiarkan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat tiga jam, Dr Ling berkata beliau telah menghantar surat perletakkan jawatan itu kepada Dr Mahathir pada Ogos tahun lepas.

-- BERNAMA

AT MAM PR